

19/08/1998

Bank tingkat pinjaman kepada swasta

KUALA LUMPUR, Selasa - Meningkatnya jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh institusi kewangan tempatan, dijangka membantu memulihkan perjalanan operasi sektor swasta, sekali gus merangsang pertumbuhan ekonomi, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sambil menyifatkan perkembangan itu `memuaskan', Timbalan Perdana Menteri turut menamakan Public Bank sebagai salah satu bank tempatan yang menunjukkan peningkatan dari segi pengeluaran pinjaman.

"Daripada angka terakhir yang diperolehi, kita menyaksikan pertumbuhan kadar pinjaman yang boleh dikata memuaskan," katanya pada majlis penyampaian Hadiah Bahasa 1998 di sini, hari ini.

Anugerah itu, yang mengiktiraf sumbangan karyawan bahasa tempatan, anjuran bersama Persatuan Linguistik Malaysia dan Public Bank.

Ketika ditemui pemberita selepas itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, secara keseluruhannya, memang wujud peningkatan pertumbuhan pinjaman oleh bank tempatan.

Ditanya sama ada fenomena itu ketara bagi semua bank tempatan, beliau berkata: "Hampir semua bank (tempatan)."

Jun lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa kurang senang dengan sikap sektor perbankan yang tidak yakin dengan kemampuan ekonomi negara, dan menasihati pihak yang berpandangan demikian supaya menghentikan operasi mereka.

Menurut Perdana Menteri, terlalu banyak masalah yang berlaku di sektor perbankan termasuk tidak memberi pinjaman serta mengekalkan simpanan wang besar yang mengancam ekonomi negara.

Dalam ucapannya, Anwar yang juga Menteri Kewangan menegaskan tindakan kerajaan melaksanakan pelbagai langkah membendung kemelesetan ekonomi, bertujuan menghalang keyakinan daripada terus terhakis.

(END)